

Puyuh Aris dah terkenal

Balik Pulau

Memulakan ternakan burung puyuh dengan modal RM12,000, kini nama Aris Puyuh semakin dikenali dalam kalangan penggemar daging burung puyuh, selain pengusaha restoran di daerah Barat Daya dan kawasan sekitarnya.

Menyifatkan ternakan itu mempunyai masa depan cerah, pengusahanya, Aris Aziz, 40, memulakan langkah meneroka penternakan burung puyuh bagi menambah pendapatan keluarganya, tahun lalu.

“Saya menjadi pembekal daging ayam segar dan burung puyuh untuk restoran serta kedai makan bermula pada awal 2015.

“Walaupun bekerja di sebuah kilang di Kawasan Perindustrian Bayan Lepas, saya menjinakkan diri dalam bidang ternakan burung puyuh berikutan keadaan ekonomi perlahan ketika ini bagi menambah pendapatan keluarga.

“Pada peringkat permulaan, projek ternakan burung puyuh diusahakan ini sukar berikutan saya tidak mempunyai pengalaman khusus dalam bidang ternakan.

“Malah, saya pernah berdepan situasi banyak anak puyuh mati kerana teknik penjagaan tidak betul, tetapi saya tidak berputus asa dan terus belajar sehingga dapat memperbaiki kelemahan,” kata-

■ **Modal RM12,000 dilabur bawa pulangan RM2,000 sebulan**

nya ketika ditemui di rumahnya di Pantai Malindo, di sini.

Aris berkata, dia kini menternak antara 2,000 hingga 5,000 burung puyuh pada satu-satu masa dan semua ternakan ditempatkan dalam lima sangkar di bangsal di belakang rumahnya.

Katanya, burung puyuh matang dalam tempoh 35 hingga 40 hari dan boleh mula dijual kepada pelanggan terdiri daripada pengusaha restoran dan kedai makan, malah ada menjadikan dagingnya sebagai sate.

Bapa lima anak itu berkata, selepas lebih setahun mengusahakannya, permintaan penggemar meningkat sehingga mendorongnya mengkomersialkan kegiatan penternakan itu.

“Alhamdulillah, saya menjual burung puyuh gred B seberat empat gram pada harga RM2.50 seekor dan mampu menjana pendapatan mencecah RM2,000 sebulan.

“Setakat ini, pendapatan hasil jualan puyuh lumayan berikutan dorongan diberikan rakan dan ahli keluarga

terdekat supaya membesarkan penternakan.

“Berikutan permintaan semakin meningkat, saya mahu menambah jumlah ternakan sehingga 10,000 ekor dalam setahun lagi,” katanya.

“**Saya pernah berdepan situasi banyak anak puyuh mati**
Aris

ARIS menunjukkan burung puyuh yang ditenak.

FOTO: SYED ISMAIL SYED ABU BAKAR



ARIS menunjukkan ternakan miliknya di rumahnya di Pantai Malindo.